



Submission date: 27/08/2020

Accepted date: 10/11/2020

## KONSEP URUF DAN MASLAHAH SEBAGAI SUMBER RUJUKAN: STATUS WANITA TERHADAP HARTA SEPENCARIAN DALAM PERUNDANGAN ISLAM DI MALAYSIA

*The Concept of 'Uruf and Maslahah as Sources of Reference: A Study on  
Matrimonial Property in Malaysian Islamic Legal System*

Mualimin Mochammad Sahid, Setiyawan Gunardi, Nur Muhammad Hadi Bin  
Zahalan

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia

[mualimin.sahid@usim.edu.my](mailto:mualimin.sahid@usim.edu.my)

### Abstrak

Harta Sepencarian bermaksud harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan seorang suami dengan isterinya hasil daripada sumber-sumber atau usaha mereka bersama. Dalam khazanah fiqh, jenis harta ini tidak dijelaskan oleh ulama. Dalam amalannya, status harta ini akan dituntut oleh salah seorang pasangan suami isteri ini selepas berlakunya perceraian, kematian, atau kerana suami yang berkahwin dengan dengan isteri kedua. Salah satu daripada mereka berhak ke atas separuh harta atau kurang daripada itu dari harta pasangannya. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan status harta sepencarian menurut pandangan syarak dan amalannya dalam perundangan Islam di Malaysia. Dengan menggunakan kaedah kajian analisa dan perbandingan, penulis mengkaji status hukum harta ini dan menganalisis pelaksanaannya dalam masyarakat untuk mengetahui hubungannya dengan jenis-jenis harta lain dalam hukum syarak, seperti: Hibah, Nafkah, Maskahwin, wasiat, mut'ah dan juga harta warisan. Hasil kajian mandapati bahawa harta sepencarian satu amalan masyarakat melayu yang telah lama diamalkan. Ia diiktiraf oleh mahkamah Syariah di Malaysia berdasarkan dua dalil iaitu *uruf* dan *maslahah* yang merupakan sumber hukum syarak yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Berpandukan itu, Islam dikenali sebagai agama yang memberikan perhatian ke atas hal-ehwal keluarga khasnya wanita dengan meletakkan mereka dalam kedudukan yang tinggi, menjaga maruah mereka, dan memelihara hak-hak seperti hak harta sepencarian ini.

Kata kunci: harta sepencarian, uruf, maslahah, undang-undang, mahkamah.

### Abstract

The matrimonial property (*harta sepencarian*) means the property acquired during the marriage of a husband and his wife as a result of their shared resources or efforts. There is no explanation about this kind of property in the classical fiqh studies. In practice, the property will be claimed by one of the spouses after the divorce, death, or the occurrence of second marriage. This article aims to study this type of property based on Islamic jurisprudence and law in Malaysia. Based on analytical and comparative methods, the researcher analyzes its legal status, implementation in society, and relationship between this kind of property and other types of properties in Islamic law, such as: *hibah*, *nafkah*, dowry, *wasiat*, *mut'ah* and even inheritance. Results of the study showed that *harta sepencarian* is a practice in Malay society since long time ago. It has been recognized by the Syariah court in Malaysia based on two sources of Islamic law ‘Uruf and *Maslahah* which referred to Qur'an and Sunnah. Guided by this, Islam is known as a religion that cares about family affairs especially women by placing them in high regard, maintaining their dignity, and preserving such rights as the right *harta sepencarian*.

Keywords: matrimonial property, ‘uruf, maslahah, law, syariah court.

## PENDAHULUAN

Islam mengambil berat hukum-hakam berkaitan lelaki dan wanita secara sama rata. Wanita di dalam Islam memiliki kedudukan yang tinggi dan hak-haknya secara penuh tanpa sebarang kekurangan atau ketidakadilan. Seperti halnya lelaki, wanita juga perlu melaksanakan kewajipan dan tanggungjawabnya sama ada terhadap masyarakat mahupun agama. Tiada perbezaan diantara keduanya dari segi ganjaran amalan dan tugas dalam agama sebagai hamba Allah. Diantara keprihatinan Islam terhadap wanita adalah Allah memberikan hak dan keistimewaan yang bertujuan menjaga kehormatannya, melindungi hak-haknya dan meninggikan kedudukannya. Perhatian Islam yang mendalam terhadap wanita dapat dilihat dari perlakuan yang diterima oleh wanita sama ada dalam kapasitinya sebagai seorang anak, adik atau kakak, isteri mahupun ibu. Sebagai seorang isteri, Islam telah memberinya hak yang melindungi dirinya dari ditindas dan didera oleh suaminya. Secara hukum Islam, hak isteri ke atas suami dibahagikan kepada dua jenis, pertama: hak-hak harta seperti mas kahwin, nafkah dan tempat tinggal, dan kedua: hak-hak yang bukan harta seperti mendapat keadilan dalam hal giliran di antara para isteri, diperlakukan dengan baik dan juga tidak dikasari. (Sahid, 2016)

Adapun yang berkaitan dengan hak-hak harta, keprihatinan Islam terhadap wanita meliputi segala urusan kehidupannya bermula dari sejak masa berkahwin, seperti diwajibkannya maskahwin terhadap lelaki sehingga ketika berlaku putusnya ikatan perkahwinan disebabkan perceraian, kematian mahupun kerana keinginan suami yang hendak berkahwin dengan isteri kedua. Terdapat beberapa hak isteri berkaitan dengan harta seperti mas kahwin, nafkah, wasiat, hadiah kerana diceraikan (*mut'ah*), dan harta warisan yang hukumnya telah dijelaskan di dalam al-Qur'an mahupun hadis. Namun terdapat satu jenis hak harta yang diperolehi oleh wanita dan bukan dari jenis harta-harta yang disebutkan tadi. Harta ini adalah hak wanita jika berlaku perceraian, kematian mahupun perkahwinan yang kedua. Hak harta inilah yang dikenali dengan istilah harta sepencarian atau harta bersama yang dihasilkan oleh suami dan isteri semasa mereka dalam tempoh perkahwinan. Jenis harta inilah yang memerlukan penjelasan maksudnya dalam undang-undang konvensional mahupun hukum Islam. (Mukhtar Abdullah, 2014)

Harta sepencarian ini dikira sebagai isu baharu yang berkaitan dengan fiqh keluarga atau *al-ahwal al-Syahsiyah* kerana sifatnya yang berbeza dengan hak-hak harta lain yang berhak dimiliki oleh wanita (Yazid Ahmad, Ahmad Muhammad Husni, & Noor Lizza, 2014). Harta ini adalah hak isteri dengan jumlah dan kadar tertentu seperti separuh daripada wang suami atau jumlah tertentu lainnya, seperti sepertiga atau kurang daripada itu. Oleh kerana hak harta ini diiktiraf oleh undang-undang keluarga Islam di Malaysia (Mukhtar Abdullah, 2014), diketahui dan diamalkan di kalangan

masyarakat, maka keperluan untuk mengetahui dasar rujukan dan dalil keharusannya dalam hukum syarak sangatlah penting.

## **HAK-HAK ISTERI KE ATAS SUAMINYA**

Islam telah menetapkan hak isteri terhadap suaminya, diantaranya seperti memperlakukannya dengan baik (*mu'asyarah bil ma'ruf*), mengajarkannya perkara agama, menyuruhnya untuk patuh, memaafkan kesalahan-kesalahannya selagi tidak melanggar ajaran-ajaran syarak, melindunginya dan tidak membahayakannya (Muhibbin, 2011) tidak menghalangnya keluar rumah kecuali jika tidak selamat seperti keluar ke tempat yang dapat menimbulkan fitnah, tidak memulaukannya (*hajr*), tapi jika perlu, ia dipulaukan di dalam rumah bukan di luar rumah kecuali jika terdapat keperluan. Suami juga wajib menggaulinya dengan baik dan adil, berprasangka baik terhadapnya, serta menjaga rahasianya dan banyak lagi hak-hak lain isteri ke atas suaminya. (Ismail, 2017)

Hak-hak lain yang harus dilakukan oleh suami untuk isterinya, diantaranya memberinya keperluan di rumah, tidak mendedahkannya kepada perkara yang buruk, memberinya nafkah, pakaian dan tempat tinggal yang baik, seperti yang disebut Allah dalam firman-Nya: “Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya” (At-Talaq: 7). Dalam ayat lain disebutkan: “dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya” (Al-Baqarah: 233). Disebutkan juga dalam hadis, Nabi SAW bersabda: “Takutlah kalian dalam (menguruskan) perempuan, kerana mereka adalah penolong kalian. Kalian telah memiliki dengan amanah Allah dan menghalalkan kehormatan mereka dengan kalimat Allah. Mereka ada hak ke atas kalian iaitu memberinya nafkah dan pakaian secara baik” (HR Muslim, hadis no. 1218)

Semua hak-hak ini menunjukkan keprihatinan Islam terhadap wanita supaya ia dapat menikmati segala haknya di bawah naungan dan ajaran Islam yang toleran. Dengannya ia dapat menikmati hak dan keistimewaan sebagai perempuan serta meninggikan darjat mereka dan menjaga kemaslahatannya.

## **HAK PEREMPUAN YANG DICERAIKAN DALAM PERUNDANGAN ISLAM**

Salah satu perlindungan Islam untuk wanita adalah diharamkannya ketidakadilan dan perlakuan buruk jika perceraian berlaku. Tidak adil jika seorang wanita yang diceraikan diperlakukan dengan buruk dan dianggap rendah kerana perceraian ini. Islam bermaksud menjaga wanita selepas putusnya ikatan perkahwinan disebabkan

perceraian (talak) ini supaya ia tidak terlantar dalam hidupnya. Oleh itu, Islam dengan ajaran yang sangat toleran telah menetapkan hak-haknya selepas perceraian, dan tidak ada yang boleh memandang rendah atau mempertikaikan hak-hak ini yang telah dijelaskan secara terperinci di dalam Al-Qur'an dan Sunnah. Penjelasannya adalah seperti berikut (Al-Zuhaili, 2002):

Sekiranya perceraian itu berlaku secara *talak raj'ie*, iaitu perceraian yang mana suami ada hak untuk rujuk semula tanpa akad nikah yang baharu, hukumnya adalah wanita yang diceraikan ini masih berstatus sebagai seorang isteri yang mempunyai hak-hak harta daripada suami seperti berikut: (Al-Zuhaily, 2011, 7/327).

- (1) **Nafkah dan tempat tinggal** daripada harta suami, seperti firman Allah: "dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya" (Al-Baqarah: 233), dan dalam ayat lain disebutkan: "Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu..." (At-Talaq: 6). Kadar nafkah ini dinilai berdasarkan uruf atau kebiasaan, dan jumlah minimanya dianggarkan sesuai dengan status kewangan suami. Wanita yang diceraikan secara *talak ba'in*, jika hamil, dia berhak diberi nafkah hingga melahirkan, dan jika tidak hamil, ia tidak berhak ke atas nafkah kerana statusnya adalah perempuan asing (*ajnabiyyah*) dan ikatan perkahwinan telah terputus.
- (2) **Hak harta mut'ah (saguhati)**, yakni: harta selain nafkah dibayar oleh suami kepada isteri yang diceraikan sebelum disetubuhi sebagai pemberian hadiah dan penghormatan serta membesarluhatinya. Peruntukan hak harta ini adalah salah satu kelebihan dan kemuliaan agama Islam. Jumlah harta yang dibayarkan oleh suami adalah mengikut kemampuannya, seperti yang disebut dalam ayat 266 surah al-Baqarah: "Hendaklah kamu memberi mut'ah (pemberian saguhati) kepada mereka yang diceraikan itu. Iaitu suami yang senang (hendaklah memberi saguhati itu) menurut ukuran keampuannya". Dan dalam ayat 241 surah yang sama Allah berfirman: "Dan isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat mut'ah (pemberian saguhati) dengan cara yang patut sebagai satu tanggungan yang wajib ke atas orang-orang yang bertaqwah".
- (3) **Hak mas kahwin**: ia adalah mahar yang dinamakan. Isteri akan mendapat keseluruhannya jika bercerai selepas disetubuhi dan setelah menamakan mas kahwin tersebut semasa akad nikah. Hak sepenuhnya adalah milik isteri dan suami tidak dibenarkan mengambil apa-apa daripadanya kecuali dengan izinnya. Allah berfirman: "Dan jika kamu hendak mengambil isteri (baharu) menggantikan isteri (lama yang kamu ceraikan) sedang kamu telahpun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang telah diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil

sedikitpun dari harta itu” (Surah An-Nisa: 20). Adapun jika diceraikan selepas disetubuhi, ia mendapat separuh dari maskahwin yang dinamakan semasa akad, seperti firman Allah: “Dan jika kamu ceraikan mereka sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka, padahal kamu sudah menetapkan kadar maskahwin untuk mereka, maka mereka berhak mendapat separuh dari maskahwin yang telah kamu tetapkan itu” (surah al-Baqarah: 237). Tetapi jika suami menceraikannya selepas disetubuhi dan sebelum menamakan mas kahwin itu, ia berhak mendapatkaninya mengikut kebiasaan (uruf) kadar maskahwin dari perempuan lainnya (*mahr al-mithl*), seperti firman Allah: “Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka mashkahwinnya (dengan sempurna) sebagai satu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah) (surah an-Nisa: 24).

- (4) **Hak harta pusaka:** perempuan yang diceraikan secara *raj'ie* (cerai rujuk), jika suaminya meninggal, maka ia berhak mendapatkan bahagian warisannya seperti isteri-isteri yang lain. Ia mempunyai bahagiannya tersendiri dan tidak boleh dikurangkan atau ditawar kecuali dengan persetujuannya. Apa yang berlaku di sesetengah masyarakat untuk menghalang isteri dari mendapatkan warisannya kerana kehendak dan keinginan suami, adalah bertentangan dengan hukum syarak, dan melanggar agama Allah. (Isa, Fahmi, Yahya, & Jasmi, 2012).
- (5) **Hak kewangan yang ada dalam tanggungan suami:** iaitu hak mendapatkan harta secara penuh bagi perempuan yang diceraikan oleh suami, seperti harta pinjaman, hutang harta tanah dan sebagainya. (Akhbar, Farhain, Keri, Asma, & Jasmi, 2012)
- (6) **Hak penjagaan (*hadhanah*):** Wanita yang diceraikan oleh suaminya mempunyai hak untuk menjaga anaknya, dan dia berhak untuk mengasuhnya selama dua tahun. Suami tidak mempunyai hak untuk mengambil anak itu dari bekas istrinya. Allah berfirman: “janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya; dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya” (Al-Baqarah: 233). Apabila anak itu disapih, ibunya yang bercerai mempunyai hak untuk menjaganya sehingga dia berumur tujuh tahun, selagi mana dia tidak berkahwin lagi. Tapi jika ia telah berkahwin, maka hilang hak asuh anak seperti jawapan Nabi SAW kepada seorang sahabat Nabi: “anda berhak (mengasuh anak-anak) selagi mana belum berkahwin” (HR Abu Dawun, hadis no. 2276). Islam menjadikan hak penjagaan kepada ibunya, kerana ia adalah orang yang mencurahkan segala belas kasihan kepadanya, menjaga dan memastikan keperluannya, tabah dengan segala keranah, tempat makan serta perlindungan untuknya.

- (7) **Hak bayaran upah menyusukan:** Ibu yang diceraikan ada tempoh dalam menyusukan dan juga hak bayaran kerana menyusukan ini. Seperti firman Allah: "Jika mereka menyusukan anak-anak kalian, maka berikanlah upah susuan itu" (Surah At-Talaq:6). Jika dia tidak menerima upah penyusuan, dia boleh menyewa orang lain untuk menyusukan atau membelanjakan upah susuan itu untuk mendapatkan pembelian air susu buatan. Seperti firman Allah: "Dan jika kamu mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya" (At-Talaq: 6).

Dalam literatur buku-buku fiqh tidak disebutkan jenis harta lain selain senarai harta yang menjadi hak perempuan seperti disebut di atas. Oleh itu, tidak dijumpai apa-apa penyelidikan tentang isu-isu perundangan dalam buku-buku fiqh ini satu jenis harta yang dikenali sebagai Harta Sepencarian atau harta bersama antara pasangan. Tidak dijumpai juga perbahasan daripada ulama klasik dalam buku-buku mereka berkaitan jenis jenis harta ini. Justeru, isu Harta Sepencarian ini dikira sebagai isu perundangan baharu yang perlu dijelaskan status hukumnya mengikut pandangan syarak. Berikut adalah penjelasan terperinci tentang jenis harta ini.

### **HAK WANITA KE ATAS HARTA SEPENCARIAN**

Di antara hak-hak harta yang menjadi hak wanita dari suaminya adalah harta bersama yang dikenali dengan istilah harta sepencarian, iaitu harta yang diperolehi daripada pasangan (suami isteri) semasa tempoh perkahwinan mereka. Dalam harta ini, wanita berhak mengambil separuh daripada harta itu, atau kurang daripadanya atau bahkan lebih, bergantung kepada takat sumbangan mereka dalam mengumpulkan atau mengembangkan harta ini semasa tempoh perkahwinan.

Seorang wanita layak mendapatkan harta ini jika terbatalnya perkahwinan itu berlaku kerana kematian atau perceraian (talak), atau jika suami ingin berkahwin dengan isteri yang lain. Undang-undang keluarga Islam (*ahwal syakhsiyah*) di Malaysia telah mengiktiraf harta ini dan telah digunakan di mahkamah syariah (Anuar, Mohamed Zawari, & Jasmi, 2012). Harta ini juga telah disahkan statusnya oleh fatwa-fatwa di semua negeri. Mana-mana wanita yang telah bercerai atau suaminya telah meninggal dunia atau suaminya ingin berkahwin dengan isteri lain, ia berhak menuntut hak kepemilikan harta di bawah kategori harta sepencarian dengan kadar separuh atau kurang daripada itu hasil hidup bersama semasa tempoh perkahwinan, atau mengikut keputusan mahkamah dan berdasarkan jumlah sumbangannya. (Yazid Ahmad et al., 2014)

### **MAKSUD HARTA SEPENCARIAN**

Istilah "Harta Sepencarian" bermaksud harta yang diperolehi semasa tempoh perkahwinan di mana kedua-dua pasangan telah menyumbang dan mengambil

bahagian dalam pengumpulan dan menguruskannya, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Harta ini diagihkan dengan kadar tertentu mengikut jumlah sumbangan dalam pengumpulan harta itu oleh pasangan. (Enakmen Undang-Undang keluarga Islam Negeri Selangor tahun 2006).

Kelayakan kepada harta ini adalah kerana sumbangan dan keikutsertaan kedua pasangan dalam bekerja atau salah seorang daripada mereka, seperti jika suami sahaja yang bekerja dan isteri tinggal di rumah menguruskan keluarga dan membesarakan anak-anak serta menjaga keselamatan rumah dan keselesaannya serta tugas-tugas dalam rumah tangga yang lain. Oleh itu, seorang wanita layak mendapat harta bersama, walaupun harta itu adalah hasil kerja suami yang didapatkan sendiri di luar rumah. (Yazid Ahmad et al., 2014)

Harta Sepencarian ini terdiri daripada harta yang nampak mahupun yang tidak nampak, tetapi ataupun bergerak. Selagi mana tidak ada penjelasan terperinci kepemilikan harta itu sama ada menerusi perjanjian yang ditandatangani antara pasangan atau dokumen rasmi semasa akad perkahwinan, atau yang direkodkan dalam pemilikan harta salah seorang pasangan, maka setiap pasangan berhak ke atas harta bersama itu dalam jumlah tertentu sebagaimana ditentukan oleh mahkamah syariah dengan kadar separuh, atau kurang, atau lebih bergantung kepada takat sumbangan dari masing-masing pasangan. (Ramli, Jamaludin, & Hussin, 2014).

## **DEFINISI HARTA SEPENCARIAN DALAM ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA**

Terdapat beberapa takrifan berkaitan harta sepencarian di dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia, seperti Johor, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Terengganu, Melaka, Pahang, Perak, Selangor, Perlis dan Kelantan. Yang dimaksudkan dengan harta sepencarian adalah harta yang diperolehi pasangan semasa tempoh perkahwinan yang diakui status dan syarat-syaratnya berdasarkan hukum syarak. (Enakmen Undang-Undang keluarga Islam Negeri Selangor tahun 2006).

Di dalam Enakmen undang-undang keluarga Islam negeri Sembilan tahun 2003, harta bersama pasangan ini ditakrifkan sebagai harta yang diperolehi pasangan, sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa tempoh perkahwinan, ditetapkan di bawah syarat-syarat tertentu dan mengikut keputusan undang-undang.

## **DASAR PENGIFTIRAFAN HARTA SEPENCARIAN DALAM PERUNDANGAN ISLAM**

Para ulama fiqh klasik tidak menyebut hak harta untuk perempuan ini yang dikenali dengan harta sepencarian dalam perbincangan bab-bab fiqh perkahwinan (*munakahat*) atau bab lain dalam buku-buku fiqh mereka. Oleh itu, tidak disebut istilah harta

sepencarian dan tiada penjelasan mengenainya. Isu ini dianggap isu baru dalam bidang perundungan Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di Nusantara seperti di negara Malaysia dan Indonesia.

Oleh kerana keluasan dan keanjalan fiqh (undang-undang Islam), ulama kontemporari telah menjumpai dasar yang sah dan dalil yang kuat dalam mengiktiraf serta menerima harta sepencarian ini. Justeru, fatwa-fatwa telah menjelaskan tentang kebenaran dan status harta sepencarian di bawah undang-undang Islam dan diamalkan dalam undang-undang keluarga Islam di negara ini. (Ramli et al., 2014).

Diantara dalil dan asas kebenaran mengamalkan hak harta sepencarian ini dalam perundungan islam dan kesahihannya sebagai undang-undang Islam yang perlu diikuti adalah seperti berikut:

#### **(1) Dalil ‘Uruf atau Adat (Kaedah: “*Adat Dapat Dijadikan Hukum*”)**

Berdasarkan hadis: “Apa yang dilihat umat Islam baik, maka ia adalah baik juga di sisi Allah, dan apa yang dilihat umat Islam adalah buruk, maka di sisi Allah ia juga buruk” (HR Baihaqi, Majma’ Zawaid, 1/182), Jumhur ulama berpandangan bahawa ‘uruf atau adat adalah merupakan salah satu sumber rujukan (*dalil*) hukum syarak yang dapat digunakan untuk mengetahui hukum isu-isu fiqh klasik mahupun kontemporari jika terpenuhi syarat-syaratnya.

Diantara syarat-syarat dalil ‘uruf adalah tidak bercanggah dengan dalil atau kaedah syarak lain, ada semasa berlakunya amalan itu, berterusan dan dominan dalam setiap kejadian, dan tidak terdapat percanggahan dalam sesbuah akad muamalat, dan syarat-syarat lain seperti yang disebut oleh ulama usul fiqh dalam buku-buku mereka. (Gunardi & Sahid, Mualimin Mohammad, 2017)

Sekiranya syarat-syarat ini dipenuhi, dalil ‘uruf atau adat boleh dijadikan sebagai dasar dalam menetapkan hukum bagi pelbagai isu-isu fiqh kontemporari, seperti isu hak harta sepencarian ini. Pembahagian harta bersama antara suami isteri ini dikenali dengan istilah harta sepencarian yang masih diamalkan di kalangan masyarakat Melayu dalam kehidupan mereka dari sejak lama lagi. Masyarakat Melayu telah lama mengamalkan ‘uruf atau adat ini, iaitu jika suami meninggal atau berlaku perceraian, harta yang diperoleh di antara mereka dalam tempoh perkahwinan dibahagikan dengan kadar separuh atau kurang daripada itu bergantung kepada takat sumbangan isteri. Amalan ‘uruf atau adat ini masih diamalkan sehingga ke hari ini.

Oleh kerana tidak terdapat keburukan atau kemudharatan dari amalan adat ini kepada manusia, bahkan sebaliknya kebaikan dan manfaatnya lebih banyak dari

keburukannya, masyarakat Melayu menerima pembahagian harta jenis ini dan ditetapkan serta diiktiraf di dalam undang-undang keluarga Islam serta diamalkan di Mahkamah Syariah (Ramli et al., 2014). Mana-mana wanita yang telah mendakwa ada hak ke atas harta sepencarian ini dan telah dapat membuktikan takat sumbangannya sama ada sumbangan secara langsung ataupun tidak, mahkamah akan menerimanya dan memutuskan untuk kepemilikan harta tersebut mengikut jumlah sumbangannya sebagai seorang isteri.

## **(2) Dalil *Maslahah Mursalah***

*Maslahah Mursalah* dapat dertiakan sebagai kebaikan atau manfaat dengan mengambil yang baik (*mudharat*) dan membuang yang buruk atau merosakkan (*mafsadah*) daripada sesuatu perkara yang tidak dijumpai keterangannya daripada Quran mahupun Sunnah sama ada diperintahkan atau dilarang. Kebanyakan ulama khasnya mazhab Maliki menjadikannya sebagai dalil dan hujjah untuk menentukan hukum syarak bagi isu-isu baharu yang tidak mempunyai dalil atau *nas*. (Adinugraha & Mashudi, 2018)

Penguhajahan menggunakan *maslahah mursalah* sangat berkait rapat dengan *maqasid syariah* (tujuan pensyariatan hukum) yang dikenali dengan menjaga lima (5) perkara penting dalam hidup manusia iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturuan dan harta. Dalam pembahagian harta sepencarian kepada wanita adalah bertujuan menjaga harta demi kemaslahatan dan kebaikannya. (Al-Zuhaili, 2002)

Para ulama mentakrifkan *maslahah mursalah* sebagai kepentingan menjaga tujuan hukum syarak. Terdapat tiga jenis *masalah*: 1. Maslahat yang diambilkira (*maslahah mu'tabarah*) iaitu maslahat yang diiktiraf sah oleh syarak, 2. Maslahat yang diketepikan (*maslahah mulghah*) iaitu maslahat yang tidak diambilkira oleh syarak atau bertentangan dengan *nas*, dan 3. Maslahah yang mutlak (*maslahah mursalah*) yang tidak ada *nas* nya sama ada diperintahkan atau dilarang. Harta sepencarian termasuk dari jenis maslahat yang ketiga ini, iaitu *maslahah mursalah* yang pelaksanaannya akan membawa kebaikan kepada wanita seperti dapat terperlihara dari akibat diceraikan, dan membantunya untuk meneruskan kehidupan yang baru bersama anak-anaknya selepas berlakunya percerian, atau jika suami berkhawin lagi. Justeru dapat disimpulkan bahawa amalan pembahagian harta sepencarian akan membawa kebaikan (*maslahah*) kepada wanita dan menjaganya dari keburukan yang mungkin berlaku selepas itu.

Oleh itu, Undang-undang keluarga Islam di Malaysia merujuk dan menggunakan dalil ini ('uruf atau adat) ini ke atas isu hukum harta sepencarian, dan menjadikannya undang-undang yang berkuatkuasa di mahkamah Syariah dan disokong dengan fatwa-fatwa mufti di majlis fatwa negeri mahupun kebangsaan. (Ramli et al., 2014).

### **(3) Merujuk Kepada Dail Dari Al-Qur'an (Firman Allah Surah An-Nisa' Ayat 32)**

Dalam ayat ini Allah berfirman: “Bagi lelaki mempunyai bahagian dari apa yang mereka peroleh dan wanita mempunyai bahagian dari apa yang mereka perolehi”. (An-Nisa':32)

Ayat ini adalah dalil umum diharuskannya pembahagian harta sepencarian iaitu seperti yang disebutkan dalam al-Qur'an: “Orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan”. (An-Nisa': 32). Penafsiran secara umum dari ayat ini dapat difahami dan dijadikan sebagai dalil harta sepencarian meskipun tidak disebut secara terpirinci dalam buku-buku mereka. Tidak salah untuk menjadikan ayat ini sebagai dalil kerana maknanya yang luas.

Adapun tafsiran ayat surah an-Nisa daripada ulama tafsir adalah bahawa lelaki dan wanita sama dari segi pahala di dunia maupun akhirat, dan kebaikan itu akan dilipatgandakan kepada sepuluh (10) kali lipatganda. Tafsiran lain adalah bahawa maksud ayat 32: lelaki mempunyai bahagiannya yang tersendiri dari apa yang diusahakan seperti pergi berjihad, dan perempuan juga mempunyai bahagian pahalanya dari apa-apa yang menjadi kewajipan seperti taat pada suami dan menjaga kehormatan. (Al-Baghawi, 2015, 2/205)

Para penggubal undang-undang keluarga islam di Malaysia merujuk kepada kesimpulan dan tafsiran umum dari makna ayat ini tentang hukum harta sepencarian yang diperakukan oleh mufti-mufti semua negeri di Malaysia dalam fatwa-fatwa mereka. Berdasarkan kepada fakta ini, pembahagian harta sepencarian yang menggunakan ‘uruf atau adat sebagai asas hukum telah dijadikan sebagai satu undang-undang yang berkuatkuasa dan diiktiraf oleh mahkamah Syariah di Malaysia secara rasmi. (Sahid, 2016)

### **PANDANGAN MAJLIS FATWA MALAYSIA MENGENAI HARTA SEPENCARIAN.**

Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Fatwa Negeri bersetuju untuk mengiktiraf kesahihan harta sepencarian dan pembahagiannya boleh dilaksanakan serta dikuatkuasakan melalui mahkamah Syariah berdasarkan penjelasan dasar hukumnya yang disebutkan di atas.

Diantara keputusan majlis-majlis fatwa mengenai pembahagian harta sepencarian adalah seperti berikut:

- (1) Jawatankuasa Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan Hal Ehwal Islam.**

Jawatankuasa Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan dalam mesyuarat yang diadakan pada 13 dan 14 April 1982 selepas perbincangan berkaitan harta sepencarian telah memutuskan hasil muzakarah seperti berikut: (JAKIM, 2007)

**Pertama:** Apa-apa yang diberikan oleh salah satu pasangan kepada pasangannya secara sah atau melalui pengiktirafan dari pemberi adalah harta milik penerima.

**Kedua:** Rumah dan perabotnya pada asalnya adalah milik suami kecuali ada bukti bahawa dia memberikannya kepada isterinya atau ia adalah milik peribadi si isteri.

**Ketiga:** Mas kawin, pakaian, dan nafkah pada asalnya adalah hak isteri.

## (2) **Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan**

Semasa persidangan yang diadakan pada 18 Ogos 2002, Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan memutuskan semasa perbincangan mengenai fatwa berkaitan tuntutan harta sepencarian perkara berikut:

**Pertama:** Tuntutan harta sepencarian oleh pasangan yang masih hidup seperti isteri meminta hak harta ini dari suaminya adalah dibolehkan, sama ada tuntutan ini adalah kerana perceraian atau kematian.

**Kedua:** Tuntutan harta sepencarian oleh pewaris pasangan (isteri) yang telah meninggal seperti anak-anak atau pewaris lain yang menuntut dari suami, adalah boleh, sama ada tuntutan ini disebabkan perceraian atau kematian.

**Ketiga:** Jumlah tuntutan untuk hak harta ini oleh si mati atau pewarisan adalah bergantung kepada keputusan Mahkamah Syariah.

## (3) **Majlis Fatwa Negeri Perlis**

Majlis Fatwa Negeri Perlis mengeluarkan keputusan berkaitan takrifan harta sepencarian, iaitu: harta yang diperoleh daripada kedua pasangan termasuk anak-anak yang terlibat dalam perolehan harta. Pembahagian harta tersebut adalah berdasarkan jumlah sumbangan dan penyertaan pasangan dalam perolehan harta.

## (4) **Majlis Fatwa Negeri Selangor**

Majlis Fatwa Negeri Selangor mengeluarkan keputusan fatwa berkaitan harta sepencarian seperti berikut:

**Pertama:** Harta sepencarian selepas kematian seorang daripada pasangan dalam undang-undang perkahwinan di negeri Selangor boleh dibahagikan kepada suami atau isteri sebelum mengagihkan harta warisan dan selepas membayar hutang si mati.

**Kedua:** Pembahagian harta sepencarian mestilah berdasarkan jumlah sumbangan dari kedua-dua pasangan, sama ada langsung atau tidak langsung.

**Ketiga:** Pembahagian harta sepencarian adalah melalui perintah mahkamah.

Berdasarkan keputusan-keputusan ini, dapat diketahui bahawa majlis-majlis fatwa negeri di Malaysia telah mengiktiraf status hukum harta sepencarian ini dan ia boleh dibahagikan jika syarat-syaratnya telah terpenuhi. Oleh kerana fatwa berkaitan isu ini telah diwartakan secara rasmi dan dikeluarkan berdasarkan perintah diraja, maka mahkamah Syariah di Malaysia telah mengiktirafnya dan melaksanakannya dalam kes-kes perbicaraan di mahkamah. (Sahid, 2016)

## **PENENTUAN KADAR HARTA SEPENCARIAN DI MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA**

Undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia tidak menyebutkan jumlah tertentu yang akan dibayar oleh salah seorang pasangan dalam kes pembahagian harta sepencarian. Penentuan jumlah pembahagian harta ini adalah berdasarkan keputusan mahkamah selepas mengesahkan bukti atau dokumen yang membuktikan jumlah sumbangan dari salah satu pasangan. Kebanyakan kes tuntutan kadar harta sepencarian oleh isteri kepada suaminya yang diputuskan di mahkamah Syariah adalah di antara separuh dari harta pasangan atau septiga, seperti keputusan dalam kes di antara Wan Nab *lwn.* Yasin di Negeri Kedah. Si isteri mendapatkan jumlah harta sepencarian berjumlah septiga dari harta suami selepas membuat permohonan melalui mahkamah. Begitu juga dalam kes di antara Hafsa binti Muhammad *lwn.* Abdullah bin Yusuf di Negeri Terengganu. Isteri menerima separuh harta sepencarian daripada suaminya. (Kes Wan Nab *lwn.* Jasin, Rayuan Sivil Kedah No. 37 tahun 1937, 15/1). Dan dalam kes Siti Kalsamah binti Selamat *lwn.* Mohd Zain bin Ahmad di Negeri Sembilan, mahkamah memutuskan untuk memberikan isteri (Kalsamah) separuh daripada harta suaminya sebagai harta sepencarian. (Kes Siti Kalsamah *lwn.* Mohd Zain, Mahkamah Tinggi Seremban, tahun 2008).

## **LANGKAH-LANGKAH MENUNTUT HARTA SEPENCARIAN DAN MASA TUNTUTAN**

Berdasarkan pengiktirafan oleh mahkamah Syariah di Malaysia ke atas undang-undang mengenai pembahagian harta sepencarian, salah seorang pasangan dibenarkan menuntut hak ke atas harta ini dari pasangannya selepas berlakunya putusnya ikatan perkahwinan disebabkan perceraian (talak), kematian salah satu pasangan, atau sebelum pembahagian harta warisan, atau ketika suami berkahwin dengan isteri yang kedua.

Ringkasan langkah-langkah tuntutan ke atas harta ini adalah seperti berikut: (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah, bhg.23 dan 122)

**Pertama:** Harta sepencarian ini boleh dituntut oleh suami atau isteri.

**Kedua:** Proses tuntutan harta ini mesti dibuat di mahkamah syariah negeri setempat.

**Ketiga:** Mahkamah Syariah mempunyai keputusan ke atas perintah membahagi harga sepencarian ini setelah berlaku putusnya ikatan perkahwinan.

**Keempat:** Mahkamah memberi penjelasan kepada pasangan mengenai tentang beberapa perkara sebelum memutuskan pembahagian harta sepencarian dengan kadar tertentu untuk suami atau isteri mengikut bahagian masing-masing.

**Kelima:** Penuntut harta sepencarian perlu mengesahkan kesahihan ikatan perkahwinannya dan telah didaftarkan di jabatan agama setempat sebagaimana ditetapkan dalam undang-undang keluarga Islam negeri.

**Keenam:** Penuntut harta sepencarian hendaklah mengemukakan bukti atau dokumen yang menunjukkan kewujudan harta yang dituntut semasa tempoh perkahwinan.

**Ketujuh:** Penuntut harta sepencarian mestilah membawa bukti (dokumen sokongan) atas sumbangannya untuk memperolehi harta tersebut, dan membawa dua orang saksi, iaitu dua lelaki atau seorang lelaki dan dua wanita, bagi merekodkan maklumat yang diserta dengan sumpah.

## **JALAN LAIN YANG SAH DI SISI SYARAK BAGI MENYELESAIKAN MASALAH PEMBAHAGIAN HARTA SEPENCARIAN**

Sekiranya salah seorang pasangan suami atau isteri tidak mahu menuntut hak harta sepencarian mereka melalui mahkamah, dan sebagai jalan keluar daripada perbezaan pandangan tentang boleh atau tidaknya menuntut harta ini di mahkamah, terdapat satu cara lain yang patuh syariah dan mengikut kaedah syarak dalam isu pembahagian harta ini, iaitu dengan jalan *suluh* (rundingan untuk mencapai kata putus atau berdamai). (Mohd Ali, 2016).

Seperti telah diketahui bahawa *suluh* adalah satu kaedah yang sah dan pendekatan undang-undang yang diiktiraf oleh syarak sebagai jalan untuk menyelesaikan persengketaan (konflik) di antara manusia. *Suluh* juga merupakan salah satu kaedah yang digalakkan dalam Islam untuk menyelesaikan perselisihan berkaitan pembahagian harta bersama pasangan suami isteri atau harta sepencarian. Salah satu

pasangan mungkin perlu mengambil cara lain selain keputusan mahkamah ketika tidak dapat mencari jalan penyelesaian. (Sahid, 2016). Justeru, kesepakatan antara pasangan melalui rundingan (*suluh*) untuk menentukan bahagian dan jumlah harta sepencarian adalah digalakkan. Jalan ini juga telah disebutkan di dalam al-Qur'an seperti firman Allah: "dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya nusyuz (kebencian) atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian (*suluh*) di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai)" surah an-Nisa: 128.

Ayat ini menunjukkan bahawa *suluh* adalah satu jalan yang patuh syariah dan digalakkan bagi mencari perdamaian antara pasangan yang bersengketa. Di antara komponen penting dalam proses damai (*suluh*) adalah salah satu pasangan merelakan haknya (*tanazul*) dan tidak menuntut dari pasangannya bagi mendapatkan penyelesaian yang dikehendaki. Jalan syar'ie ini juga disokong oleh hadis Nabi SAW yang menerangkan bolehnya menempuh jalan perdamaian (*suluh*) dalam menyelesaikan sengketa di antara umat Islam. Sabda Nabi SAW: "Suluh (perdamaian) adalah dibenarkan di kalangan umat Islam kecuali perdamaian yang mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram" (HR Abut Dawud, no. Hadis: 3120, 9/491)

Imam al-San'ani berkata ketika menjelaskan jenis-jenis suluh: "... ulama telah membahagikan jenis-jenis suluh (perdamaian), di antaranya adalah suluh orang islam dengan orang kafir, suluh antara pasangan suami isteri, suluh antara pihak penganiaya dan yang dianiaya, suluh antara orang yang bersengketa di mahkamah ...." (As-San'ani, 2000, 4/224)

Berdasarkan kaedah suluh ini, kedua pasangan boleh berdamai dengan mengiktiraf kepemilikan harta, menyerahkan harta kepada salah satu pasangan, mengganti nilai harta dengan cara membahagikan nilai harta ini mengikut persetujuan mereka berdua. Proses perdamain ini dilakukan di luar mahkamah atau di hadapan kakitangan bahagian suluh di jabatan hal ehwal agama tempatan untuk kemudian disahkan di mahkamah. Dengan cara inilah penyelesaian pertikaian dalam kes tuntutan harta sepencarian melalui pendekatan syarak yang digalakkan dan dilakukan bagi mengelakkan segala kemungkinan buruk berlaku.

Cara ini adalah jalan terbaik yang ditempuh kedua pasangan dalam pembahagian harta sepencarian, tetapi ia bergantung kepada keadaan masing-masing pasangan. Manusia berbeza sifat dan tingkah laku, justeru, usaha suluh ini mungkin berjaya dalam menyelesaikan konflik diantara mereka atau mungkin tidak berjaya. Oleh itu, jika

sekiranya jalan suluh tidak berjaya, maka terpaksa perlu menempuh penyelesaian kes pembahagian harta sepencarian ini perlu dilakukan menerusi mahkamah. (Mohd Sahid, Mohamed, & Hoque, 2017)

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Di akhir kajian yang memaparkan penjelasan berkenaan konsep uruf dalam isu pembahagian harta sepencarian ini, dapat disimpulkan beberapa perkara penting seperti berikut:

Harta bersama pasangan suami isteri yang dikenali dengan nama harta sepencarian adalah hak harta yang dimiliki oleh salah seorang pasangan terutamanya isteri yang diperolehi selepas berlaku putusnya ikatan perkahwinan sama ada disebabkan oleh perceraian (talak), kematian pasangan atau suami berkahwin dengan isteri kedua. Hak harta ini telah diiktiraf secara sah oleh undang-undang keluarga Islam di Malaysia dan diamalkan di mahkamah Syariah. Dasar dibolehkan dan kesahihan hak harta ini diambil dari dua jenis dalil syarak iaitu '*uruf* dan *maslahah* mursalah, disamping keluasan makna atau *tafsir* surah An-Nisa' ayat 32 yang menyebutkan bahawa lelaki dan wanita sama dari segi pahala di dunia maupun akhirat. Sama seperti lelaki yang mempunyai bahagiannya yang tersendiri dari apa yang diusahakan, wanita juga mempunyai bahagiannya dari hak dan kewajipannya seperti taat pada suami dan menjaga kehormatan.

Proses tuntutan harta sepencarian adalah menerusi mahkamah syariah selepas takat sumbangan salah seorang suami isteri dapat dibuktikan dengan bukti atau dokumen yang menunjukkan adanya penyertaan pasangan dalam perolehan harta semasa tempoh perkahwinan. Pembahagian harta ini adalah berdasarkan keputusan mahkamah mengikut jumlah sumbangan pasangan, dan kadar pembahagian adalah separuh atau septiga daripada harta pasangan.

Sekiranya kedua pasangan ingin menyelesaikan pertikaian berkaitan pembahagian harta ini melalui cara lain selain mahkamah, mereka boleh memilih prinsip perdamaian (suluh), yang telah terbukti sah di dalam Al-Quran dan as-Sunnah. Kewujudan penyelesaian konflik dengan membahagikan harta sepencarian secara suluh (berdamai) adalah petunjuk nyata mengenai rahmat agama Islam dan kemuliaan ajaran-ajarannya dalam menjaga wanita dengan memelihara hak dan mengangkat kedudukan wanita ke tempat yang tinggi.

Untuk memastikan kebaikan ini dinikmati semua orang, khasnya adalah pihak wanita, perlu diadakan pencerahan dan pengajaran kepada masyarakat bagi membantu meningkatkan kefahaman mereka tentang agama Islam khasnya yang berkaitan dengan harta sepencarian. Perkara lain yang juga penting adalah pengetahuan berkenaan dengan syarat dan bekalan yang memudahkan urusan masyarakat jika

berlaku perselisihan di antara mereka, supaya mereka dapat mencari penyelesaian hukum yang sesuai dan disokong dengan dalil-dalil syarak yang betul.

## **RUJUKAN**

- Adinugraha, H. H., & Mashudi, M. (2018). Al-Maslahah al-mursalah dalam penentuan hukum Islam. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 63-75. <https://doi.org/10.29040/jiei.v4i1.140>
- Akhbar, A., Farhain, N., Keri, M., Asma, S. N., & Jasmi, K. A. (2012). Islam dan hak pewarisan harta wanita. In *Seminar Tamadun (12 April 2012)*, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia
- Al-Zuhaili, W. M. (2002). Al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu. *Damascus: Dar Al-Fikr*.
- Anuar, N. H., Mohamed Zawari, N., & Jasmi, K. A. (2012). Wanita dan persoalan poligami dalam Islam. In *Seminar Tamadun (12 April 2012)*, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam tahun 2006, bahagian 7: Pembahagian harta sepencarian.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, Negeri Sembilan, tahun 2003: Harta sepencarian.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, Wilayah Persekutuan, bahagian 122 dan 23.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, Negeri Selangor, tahun 2003.
- Gunardi, S., & Sahid, Mualimin Mohammad, M. A. A. R. (2017). Konsep al-'adah muhakkamah dalam pewarisan tanah adat menurut adat perpatih di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. 5(2), 161-177
- Isa, M., Fahmi, A., Yahya, M., & Jasmi, K. A. (2012). Wanita dan perkahwinan dalam Islam. In *Seminar Tamadun (12 April 2012)*, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia
- Ismail, I. S. O. (2017). Al-Mar'ah tahta mizallati al-Islam: Makanatuha wa saunu huquqiha. *Majallat Jil Huquq Al-Insan*, 11-31. <https://doi.org/10.33685/1318-000-017-001>.
- JAKIM. (2007). *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77PhD Proposal*. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- JAKIM, Kompilasi Muzakarah MKI, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, [http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/kompilasi\\_muzakarah\\_mki\\_2016.pdf](http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/kompilasi_muzakarah_mki_2016.pdf), Accessed: 2020-11-28
- Kes Siti Kalsamah lwn. Mohd Zain, Mahkamah Tinggi Seremban, tahun 2008. <https://sitinorhanani.wordpress.com/2011/11/18/siti-kalsamah-vs-mohd-zain-tuntutan-harta-sepencarian>. Accessed: 2020-11-28

- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor - Fatwa Terkini  
<https://www.muftiselangor.gov.my/awam/fatwa/fatwa-terkini>, Accessed: 2020-11-28
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Kelantan.  
<http://mufti.kelantan.gov.my/index.php/perkhidmatan/e-fatwa-kelantan>, Accessed: 2020-11-28
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perlis.  
<https://www.perlis.gov.my/mufti/index.php/ms/fatwa/category/10-fatwa>, Accessed: 2020-11-28
- Mohd Ali, M. Y. (2016). Harta sepencarian : Konsep dan amalannya di Malaysia. Vol. 1, p. 21. Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
- Mohd Sahid, M., Mohamed, M. F. bin, & Hoque, M. (2017). Al-Masail al-fiqhiyyah al-nisaiyyah al-mutabbaqah fi al-mujtama al-jawi wa wijhatu nadhar al-syarak fiha. *Indonesian Journal of Interdisciplinary Islamic Studies*, 109-145. <https://doi.org/10.20885/ijjis.vol1.iss1.art6>
- Muhibbin, Z. (2011). Wanita dalam Islam. *Jurnal Sosial Humaniora*, 109-120. <https://doi.org/10.12962/j24433527.v4i2.627>
- Mukhtar Abdullah. (2014). *Harta sepencarian dan hak wanita*. Vol. 1, 178. Mukhtar Abdullah, Terengganu.
- Ramli, M. A., Jamaludin, M. H., & Hussin, M. N. M. (2014). Pemakaian instrumen istihsan dengan 'urf ( al-istihsan bi al-'urf ) dalam amalan pembahagian harta sepencarian di Malaysia = The application of the instrument of al-istihsan bi al-'urf in harta sepencarian practice in Malaysia. *'Ulūm Islāmiyyah Journal*, 14, 1-40) <https://doi.org/10.12816/0012615>
- Sahid, M. M. (2016). Syar'iyyat al-mal al-musytarak baina al-zawjaini fi al-fiqh alislami wa al-qanun al-malizi. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4, 1-13.
- Yazid Ahmad, Ahmad Muhammad Husni, & Noor Lizza. (2014). Pembahagian Harta Sepencarian dalam Poligami Menurut Undang- undang Keluarga Islam. *Isu Syariah & Undang-Undang*, 92–106.